

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**SOALAN**

**YB TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pencapaian Arkib Negara mengikut peruntukan Seksyen 37(1) Akta Arkib Negara 2003:

- (a) jumlah arkib awam yang telah dibuka; dan
- (b) jumlah arkib awam yang belum dibuka dan kriteria merahsiakannya walaupun ia sudah mencapai 25 tahun serta status pendigitalan arkib awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak penubuhan Arkib Negara Malaysia (ANM) pada 1 Disember 1957 sehingga kini, jumlah arkib awam yang telah dibuka kepada penyelidik adalah 3,478,441. Ia meliputi bahan arkib awam dalam bentuk fail dan bukan fail. Bahan bukan fail adalah bahan-bahan yang terdiri daripada artifak dan objek, dokumen, hasil karya penulisan, kartografi, mikroform, perjanjian dan persetujuan, personalia, poster dan kalendar, rekod elektronik, rekod pandang dengar, surat khabar dan majalah; dan terbitan.

2. Sementara itu, bahan arkib awam yang telah dikelaskan sebagai bahan terperingkat yang masih belum dibuka untuk penyelidikan walaupun telah mencapai 25 tahun adalah berdasarkan kriteria kerahsiaan berikut:

- (i) Rekod berkaitan keselamatan dan kedaulatan negara;
- (ii) Rekod berkaitan isu sensitif negara;
- (iii) Rekod yang melibatkan maklumat peribadi individu; dan
- (iv) Rekod yang taraf pengkelasannya masih tertakluk kepada agensi pewujud.

Sekian, terima kasih.